

09 JUN 1999

KDNK-SUKU PERTAMA

KDNK SUKU PERTAMA MASIH NEGATIF TETAPI DENGAN MARGIN LEBIH KECIL

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama masih akan menunjukkan pertumbuhan negatif tetapi angka negatif tersebut adalah lebih kecil, kata Pengerusi Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Dr Sulaiman Mahbob.

Katanya perangkaan rasmi masih belum diumumkan tetapi pastinya ia merupakan "negatif kecil".

Menurut beliau dari segi perbandingan tahun ke tahun KDNK menguncup sedikit dalam suku pertama tetapi memperlihatkan pertumbuhan positif berbanding tiga bulan sebelumnya.

Berucap pada majlis forum tengah hari bertajuk "Pemulihan Ekonomi dalam Rejim Kawalan Pertukaran: Pengalaman Malaysia" anjuran Persatuan Bendahari Korporat Malaysia di sini hari ini, Dr. Sulaiman berkata pertumbuhan KDNK akan bergerak ke lingkungan 'positif' dalam suku kedua tahun ini.

Beliau melahirkan keyakinan bahawa suku kedua akan lebih baik dengan angka-angka dalam suku ketiga dan keempat dijangka lebih kukuh.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata baru-baru ini pertumbuhan KDNK bagi suku pertama 1999 akan menguncup dengan margin yang lebih kecil iaitu 1.5 peratus, selepas menguncup sebanyak 8.1 peratus dalam suku terakhir tahun 1998.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat menurunkan lagi kadar faedah, Sulaiman berkata: "Saya cuma boleh kata bahawa ia bergantung kepada penawaran dan permintaan (wang) dan inflasi."

Tetapi beliau segera menegaskan bahawa kadar faedah dalam 6-12 bulan akan datang dijangka terus "agak rendah kerana bekalan banyak, permintaan mulai meningkat dan inflasi berada pada kadar yang rendah."

Sementara itu, inflasi, seperti yang diukur melalui indeks harga pengguna (IHP) telah dapat dikawal daripada lima hingga enam peratus pada pertengahan tahun 1998 kepada paras di bawah tiga peratus pada bulan Mac dan April 1999.

"Ini menunjukkan bahawa ia akan lebih rendah lagi dalam bulan-bulan akan datang memandangkan indeks harga pengguna yang negatif sepanjang Januari hingga Mac tahun ini," katanya.

Menyentuh tentang prestasi negara setakat ini, selepas pengumuman kawalan berpilih dan kadar pertukaran tetap pada 1 September, Dr Sulaiman berkata "terdapat perubahan-perubahan yang ketara."

Beliau menambah kata penggunaan, jualan dan pengeluaran telah mencatat prestasi positif sejak suku terakhir tahun 1998 dan awal tahun 1999.

Dr Sulaiman berkata kebanyakan firma melaporkan bahawa kawalan pertukaran tidak memberikan kesan negatif kepada operasi pelaburan, eksport, import dan perniagaan mereka.

"Peratusan besar (21-28 peratus) melaporkan kesan positif manakala segelintir (tujuh hingga sembilan peratus) melaporkan kesan negatif ke atas operasi pelaburan, eksport dan perniagaan," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia tidak menjangkakan "pengaliran keluar dana secara besar-besaran" pada bulan September manakala pelabur-pelabur asing boleh menghantar pulang wang mereka tanpa cukai keluar.

"Tiada sebab bagi pelabur asing menghantar pulang wang mereka kerana ekonomi semakin pulih dan pasaran saham semakin kukuh," katanya.

Bagaimanapun, masih ada perkara-perkara yang membimbangkan seperti perlunya meningkatkan permintaan tempatan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta, tambah Dr Sulaiman.

Dengan demikian, katanya, syarikat-syarikat harus mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang rendah sekarang untuk memperkukuhkan semula perniagaan masing-masing kerana kos pembiayaan begitu rendah.

-- BERNAMA

AA KY MA